



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ASSUNTA
JALAN CHANGGAI
46000 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
<http://www.smkassunta.edu.my>
EMEL: smkassuntapj@gmail.com

TEL : 79575745
79585416
FAX : 79559629

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : SMKA 03/05/001 (50)
Tarikh : 2.11.2010

Kepada :
Ibu bapa / penjaga yang dihormati.

Melalui :
Guru Besar
SK / SJK (C)

Tuan / Puan.

PENDAFTARAN PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN 1 DAN KELAS PERALIHAN TAHUN 2011

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pendaftaran murid-murid Tingkatan Satu dan Kelas Peralihan bagi tahun 2011 akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 16 November 2010 (Selasa)
Masa : 2.00 ptg - 5.00 ptg
Tempat : Kantin Sekolah
Pakaian : Pakaian Seragam Sekolah Rendah

3. Berikut adalah dokumen-dokumen yang perlu dibawa bersama semasa membuat pendaftaran :-

- i) Surat Asal Kelulusan Penempatan ke Tingkatan Satu dan Kelas Peralihan 2011
- ii) Salinan Keputusan UPSR 2010
- iii) Salinan Sijil Kelahiran / Kad Pengenalan

4. Maklumat Tambahan Pendaftaran Pelajar Tingkatan 1 Dan Kelas Peralihan

- 4.1 Pelajar-pelajar dikehendaki membawa bersama wang sebanyak RM64.00 untuk bayaran item-item seperti berikut :-
(Sila bawa jumlah wang yang tepat)

Barangan dalam Set Pendaftaran Tingkatan 1 dan Kelas Peralihan - 2011

<i>Barang</i>	<i>Kuantiti</i>	<i>Harga Seunit</i>	<i>Jumlah (RM)</i>
Buku Latihan	15	0.70	10.50
Buku Kokurikulum	1	2.00	2.00
Buku Peraturan Sekolah	1	3.00	3.00
Buku Nilam	1	2.00	2.00
Kas Kokurikulum	1	0.60	0.60
Folder (untuk peperiksaan)	1	1.50	1.50
Folio Seni	1	8.50	8.50
Fail Penilaian Sekolah	1	6.00	6.00
Beg Sekolah	1	6.00	6.00
Stoking Sekolah	3	4.50	13.50
Lencana Sekolah	3	1.00	3.00
Buku Tulis Kulit Tebal (A4)	3	2.50	7.50
JUMLAH :			64.10
Tolak Diskaun :			- 0.10
JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR :			64.00

4.2 Pelajar yang akan memohon pertukaran sekolah tidak perlu membeli item-item tersebut di atas. Sila beritahu guru pendaftaran semasa mendaftar.

5. Pertukaran sekolah dari SMK Assunta

5.1 Bagi pertukaran sekolah **ANTARA DAERAH / ANTARA NEGERI**, borang permohonan yang telah dilengkapi melalui SMK Assunta, mestilah dibawa sendiri oleh ibu bapa / penjaga ke Daerah / Negeri Berkenaan.

6. Kerjasama tuan / puan untuk hadir pada hari dan masa yang ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“Kejujuran dan Ketekunan”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas.

RITA SHANTHINI A/P JAYARATNAM

Pengetua

SMK Assunta

Petaling Jaya



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ASSUNTA
JALAN CHANGGAI
46000 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
<http://www.smkassunta.edu.my>
EMEL: smkassuntapj@gmail.com

TEL : 79575745
79585416
FAX : 79559629

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : SMKA 03/05/001 (51)
Tarikh : 2.11.2010

Ibu bapa / penjaga yang dihormati.

Pihak sekolah mengucapkan tahniah kerana anak tuan berjaya ditempatkan ke Tingkatan Satu dan Kelas Peralihan di Sekolah Menengah Kebangsaan Assunta.

Sekolah mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian ibu bapa dalam hal-hal yang berikut :

1. **Tarikh persekolahan pertama 3 Januari 2011.**
2. **Tarikh Orientasi** 30 Disember 2010 (Khamis) masa (10.30 pagi sehingga 12.30 tgh) di Dewan Sister Enda.
3. **Waktu persekolahan sesi petang.**
Isnin - Khamis 1.10 - 6.45 petang
Jumaat 2.20 - 6.45 petang
Pelajar sesi petang perlu berada di sekolah selewat-lewatnya pada pukul 12.40 tengahari (Isnin hingga Khamis) dan pukul 2.00 petang (Jumaat). **Pelajar masuk dan keluar melalui pintu B.**
4. **Tarikh untuk penyemakan kelas.**
Ibu bapa / penjaga boleh menyemak senarai kelas pelajar-pelajar pada papan kenyataan di vestibule pada 30 Disember 2010.
5. **Senarai Buku Teks**
Senarai buku teks boleh didapati dari kedai buku. Buku teks (jika ibu bapa memilih untuk membeli sendiri) boleh dibeli di kedai buku sekolah mulai pada 1 Disember 2010. Kedai buku akan dibuka seperti berikut :-
Isnin – Jumaat 9.00 pagi - 3.30 petang
Sabtu, Ahad dan Cuti Am Diturup
15 buah buku latihan perlu dibeli di koperasi sekolah.
6. **Dokumen-Dokumen**
Dokumen-dokumen yang perlu dibawa oleh pelajar-pelajar pada hari pertama persekolahan.
 - i) Salinan Keputusan UPSR
 - ii) Salinan Sijil Beranak
 - iii) Salinan Kad Pengenalan (jika ada)
 - iv) Salinan Kad Pengenalan Bapa
 - v) Salinan Kad Pengenalan Ibu
 - vi) Buku Rekod Kesihatan Murid (dari sekolah rendah)
7. **Borang-borang yang perlu diisi** dan dibawa oleh pelajar-pelajar pada hari pertama persekolahan.
 - i) Borang Maklumat Kecemasan
 - ii) Borang Keahlian Pusat Sumber
 - iii) Borang SMM
 - iv) Rekod Disiplin Pelajar
 - v) Borang Sesi Fotografi

8. **Peraturan Sekolah.**
Pelajar-pelajar wajib mempunyai Buku Peraturan Sekolah untuk mengetahui dan mematuhi peraturan sekolah sepanjang masa. Ibu bapa / penjaga juga digalakkan mengetahui peraturan tersebut.
9. **Pakaian Seragam**
Pelajar wajib memakai tali leher pada setiap hari Isnin. Pelajar-pelajar yang memakai baju kurung diwajibkan memakai kerongsang.
10. **Aktiviti Kokurikulum Sekolah.**
Pelajar-pelajar dikehendaki menyertai aktiviti kokurikulum sekolah. Setiap pelajar diwajibkan memasuki satu aktiviti unit pakaian seragam (uniform), satu aktiviti unit persatuan / kelab dan satu aktiviti sukan / permainan . Sila pastikan kelas tuisyen atau aktiviti-aktiviti lain tidak bercanggah dengan waktu aktiviti kokurikulum dan latihan rumah sukan sekolah.
11. Latihan Rumah Sukan ialah seperti berikut :-
- | <u>Rumah</u> | <u>Hari</u> | <u>Masa</u> |
|--------------|-------------|--------------------------|
| Assunta | Isnin | } 8.00 pagi - 10.00 pagi |
| Francis | Selasa | |
| Hermine | Khamis | |
| Clare | Jumaat | |
12. Pelajar dari SRJK (Tamil, Cina) yang gagal Bahasa Melayu tidak boleh terus belajar di Tingkatan Satu kerana syarat-syarat kemasukan adalah seperti berikut :-
- Lulus sekurang-kurangnya GRED C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu :**
- Bahasa Melayu Kertas 011 dan 012 - Bagi murid SK/SRK
atau
 - Bahasa Melayu Kertas 021 dan 022 - Bagi murid SJKC
atau
 - Bahasa Melayu Kertas 031 dan 032 - Bagi murid SJKT
atau
 - Bahasa Melayu Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) di tahap 2 (tahun 4, 5 dan 6) dan berkebolehan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu khususnya kemahiran bertutur dan menulis.
13. Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat-syarat berkenaan akan dimasukkan ke kelas peralihan.

Sekian, terima kasih.

“Kejujuran dan Ketekunan”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas.

NORMAL BT ISMAIL

Penolong Kanan

b/p Pengetua

SMK Assunta

Petaling Jaya